

22/03/2003

KL bimbang penaklukan AS berterusan

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir semalam melahirkan kebimbangannya kemungkinan negara Islam lain turut menjadi sasaran Amerika Syarikat selepas menakluki Iraq nanti.

Perdana Menteri berkata, jiran Iraq seperti Iran yang turut dianggap sebagai paksi kejahatan oleh Amerika Syarikat serta Syria, Sudan dan Libya, kemungkinan besar menjadi sasaran Washington kerana kerajaan di negara itu dituduh sebagai kuku besi.

Dalam reaksinya pertamanya selepas serangan Amerika dan Britain terhadap

Iraq bermula kelmarin, Dr Mahathir Mohamad berkata dunia kini dalam situasi menakutkan kerana sebuah kuasa besar yang dianggap bertamadun tinggi menggunakan cara pembunuhan pemimpin negara lain bagi mencapai matlamatnya.

"Ini menunjukkan betapa merosotnya moral kuasa-kuasa besar di dunia termasuk Britain, Sepanyol dan Amerika sendiri yang menghalalkan pembunuhan sebagai dasar negara.

"Kita sekarang tidak lagi boleh berasa selamat kerana mungkin jika kita buat sesuatu yang salah, maka pembunuhan akan digunakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini petang semalam.

Dr Mahathir yang sedang bercuti dan kembali ke Malaysia malam semalam diminta oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mempengerusikan mesyuarat itu. Abdullah adalah pemangku Perdana Menteri, Presiden Umno dan Menteri Kewangan sepanjang percutian Dr Mahathir sehingga 4 Mei ini.

Perdana Menteri berkata, hasrat pentadbiran Amerika Syarikat ialah untuk membebaskan rakyat dari negara yang dikatakan diperintah secara kuku besi tetapi pada masa yang sama, ia kelihatan seperti ada pilih kasih.

"Tak semua yang akan dijadikan sasaran dan ini menyebabkan kita kurang percaya bahawa itulah hasrat mereka. Sebaliknya kita percaya bahawa ada udang di sebalik batu," katanya.

Beliau menjelaskan, MT yang membincang serangan terhadap Iraq berpendapat, ia bukan perang antara orang Kristian dengan Islam kerana ramai juga masyarakat Kristian termasuk Pope John Paul II, menentang keras peperangan.

"Kita harap walaupun Iraq ini sebuah negara Islam, tindakan yang dibuat ini bukan kerana mereka nak serang negara Islam. Namun, kita khuatir akhirnya yang akan menjadi sasaran ialah negara Islam," katanya.

Perdana Menteri mengulangi pendirian Malaysia menentang keras tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq kerana percaya bahawa peperangan bukan cara menyelesaikan konflik antara negara.

Katanya, jika perang boleh menyelesaikan masalah, sudah pasti tidak

tercetus perang dunia kedua serta peperangan lain di dunia ini termasuk di Afghanistan dan kini Iraq.

Malah, sejarah kegagalan Liga Negara-Negara terus berulang apabila Amerika Syarikat kini turut mengetepikan pandangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam isu serangan terhadap Iraq.

Katanya, Presiden Amerika ketika itu, Woodrow Wilson yang memperkenalkan idea Liga Negara-Negara supaya sebarang pertentangan pendapat antara negara dirujuk kepada anggota pertubuhan itu untuk diselesaikan melalui rundingan, bukan peperangan.

Malangnya, orang yang mencadangkan Liga Negara Negara itu sendiri menarik diri dan dengan itu, runtuhlah pertubuhan itu serta tidak berkesan selepas perang dunia pertama.

Selepas perang dunia kedua, dengan cadangan Amerika, Britain dan beberapa negara lagi, ditubuh pula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Tujuannya adalah sama iaitu supaya perang tidak dijadikan cara menyelesaikan masalah dan peperangan diharamkan melainkan dengan izin oleh PBB.

"Kali ini kita dapati amat jelas sekali bahawa PBB tidak mengizinkannya, bahkan tidak sempat untuk mengadakan satu persidangan secara menyeluruh untuk menentukan pendirian masing-masing.

"Sebaliknya, Amerika membuat keputusan untuk menyerang Iraq dengan tidak mengambil kira pendirian dan pendapat PBB. Ini bermakna sekali lagi Amerika menidakkan kewujudan PBB yang menjadi benteng bagi negara yang lemah dalam menjaga kepentingan mereka," katanya.

Beliau berkata, masyarakat dunia sudah tidak lagi boleh mengharapkan PBB jika kuasa besar bercadang menyerang mana-mana negara meskipun negara tertentu mungkin bersalah "kerana yang menjadi hakim adalah juga orang yang menjalankan hukuman."

Dr Mahathir menyifatkan tindakan Amerika Syarikat sebagai satu usaha yang menghancurkan sistem antarabangsa untuk menyelesaikan masalah dan tidak lagi berpegang kepada 'rule of law' menyebabkan dunia menjadi huru hara.

Mengenai permintaan kedutaan Iraq di sini supaya Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM) memberi bantuan tertentu, beliau berkata negara ini sedia membantu dari segi perubatan dan makanan.

Selaku Pengerusi NAM, beliau sudah menulis surat kepada semua negara yang menjadi anggota Majlis Keselamatan PBB serta berbincang dengan Presiden Brazil yang meminta Setiausaha Agungnya, Kofi Annan mengadakan mesyuarat tergepar bagi negara bukan anggota majlis keselamatan itu.

"Ini kita sokong dan kita juga akan mendesak Kofi Annan. Saya tak fikir PBB dapat menghentikan peperangan, tetapi kita perlu memberitahu kepada Amerika bahawa tindakan mereka itu adalah bertentangan dengan kehendak majoriti anggota PBB.

"Kita juga perlu memperingati Amerika mengenai kesalahan dari segi sahnya perang terhadap Iraq, supaya kemudian hari nanti kalau dia kata

kita tidak ada pemerintahan mengikut undang-undang, kita boleh tunjuk kepada apa yang dilaporkan oleh mereka yang lebih dahsyat lagi," katanya.

Ditanya pendapat sesetengah pihak bahawa perang ke atas Iraq adalah perang antara Yahudi tetapi menggunakan Amerika Syarikat sebagai alat, beliau berkata ada tanda-tanda kerana ramai pemimpin Amerika adalah orang Yahudi.

"Kita tak kata mereka bukan orang Amerika, tetapi hakikatnya banyak orang yang membuat tuduhan. Bagi kita, kita tak anggap ini sebagai orang Kristian menyerang orang Islam. Kita anggap ini adalah serangan orang Amerika yang terdiri daripada orang Yahudi, terhadap negara Islam.

"Itu benar. Sebab itu kita tidak bermusuh dengan orang Kristian.

Bahkan

ramai orang Kristian bersama dengan kita, menentang peperangan ini," katanya.

"Itu benar. Sebab itu kita tidak bermusuh dengan orang Kristian.

Bahkan

ramai orang Kristian bersama dengan kita, menentang peperangan ini," katanya.